

22/06/2001

Naik bendera sebelum bersidang

PERHIMPUNAN Agung Umno 2001 semalam dimulakan dengan upacara menaikkan bendera parti yang disempurnakan Presiden Parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau yang tiba di Dataran Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) kira-kira jam 9 pagi dan disambut timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Setiausaha Agung, Tan Sri Khalil Yaakob.

Upacara pagi semalam dimulakan dengan pemeriksaan barisan Briged Putra Pergerakan Pemuda yang terdiri daripada 50 ahli dan Briged Wanita Umno dengan 40 ahli.

Beliau diiringi Ketua Pemuda, Datuk Hishammuddin Tun Hussein dan Ketua Wanita, Datuk Seri Rafidah Aziz.

Dr Mahathir kemudian menaikkan bendera parti sambil diiringi koir Umno yang bersama-sama Ahli Majlis Tertinggi (MT) parti menyanyikan lagu Bersatu Bersedia Berkhidmat dan Umno Teras Negara.

(END)